



Engr. Abdul Syukor

terima Anugerah Tertinggi World Inventor Grand Order of Merit 2013

Pensyarah Kanan Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Engr. Abdul Syukor Abd. Razak telah mengharumkan nama UMP di persada dunia apabila menerima anugerah tertinggi World Inventor Grand Order of Merit yang disampaikan Presiden Korea Invention News (KINEWS), Hong Soung Mo dalam World Inventor Award Festival (WIAF) 2013 di Korea Selatan pada 14 Disember 2013 yang lalu.

Penganugerahan WIAF 2013 anjuran KINEWS dengan kerjasama World Invention Intellectual Properties Associations (WIIPA) dan International Intellectual Property Network Forum (IIPNF) ini memberi pengiktirafan kepada para penyelidik yang aktif dalam bidang penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan, penerbitan ilmiah, pembangunan modal insan dan perkhidmatan masyarakat serta berjaya menghasilkan reka cipta produk yang berkualiti tinggi serta diiktiraf dunia akademik.

Tiga produk berstatus pengkomersialan di bawah Pejabat Pemandahan Teknologi (TTO) di Jabatan Penyelidikan dan Inovasi dengan jenama PISOPTERATM menang Anugerah Teknologi Hijau manakala produk PHYTOGREENTM menerima Anugerah Kejuruteraan Alam Sekitar dan WASRATM meraih Anugerah Kejuruteraan Awam.

Menurut beliau, produknya iaitu PhytoGreen dan PISOPTERA pernah dinilai oleh Perunding dari Oxford University dan berjaya dipilih sebagai produk Industrial Business Opportunities (IBO) di bawah Jabatan Perdana Menteri dan telah dibentangkan ke kabinet Malaysia pada Oktober tahun lalu.

“Kedua-dua produk ini pernah dinilai oleh panel Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) dan dipilih sebagai produk UMP yang berpotensi untuk dikomersialkan serta layak untuk memohon Grant Commercialisation Research & Development Fund (CRDF) dengan had permohonan tidak melebihi RM4 juta,” katanya.

Beliau amat menghargai kepercayaan pihak pengurusan khususnya kepada Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) dan kumpulan penyelidik lain yang menjalankan penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (R&D&C) sehingga mencapai kejayaan ini.

Engr. Abdul Syukor juga merupakan Pengarah Urusan UMP EcoPest Sdn. Bhd. di universiti ini yang aktif dalam menghasilkan penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan, penerbitan, pembangunan modal insan dan perkhidmatan masyarakat yang diiktiraf di peringkat kebangsaan dan

antarabangsa.

Penyertaan WIAF kali ini amat mencabar kerana hanya 74 penyelidik yang berjaya menerima anugerah berbanding 250 penyertaan dari pelbagai negara yang berkaitan dalam bidang akademik, inovasi dan reka cipta. Lain-lain anugerah adalah King Sinjong Order of Merit, Thomas Edison Order of Merit, Alfred Nobel Inventor Order of Merit dan Confucius Order of Merit.

Antara negara yang turut serta termasuklah Korea, China, Jepun, Taiwan, Hong Kong, Iran, Iraq, Tunisia, Arab Saudi, Brunei, Turki, Qatar, Indonesia, Croatia, Belgium, Amerika Syarikat, Poland, Filipina, Itali, Mesir, Singapura dan Jerman.

Sementara itu, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim melahirkan rasa bangga dengan pencapaian penyelidik UMP yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

Katanya, kejayaan ini diharapkan dapat memberi suntikan semangat dalam kalangan penyelidik UMP untuk terus berusaha menghasilkan kajian dan penyelidikan yang mampu memberikan impak yang berkualiti tinggi dan diiktiraf dunia. Malah, kejayaan ini dapat menjayakan Pelan Strategik UMP 2011-2015 dalam penjenamaan untuk menjadi universiti teknologi pilihan utama.